

15 NOV 1999

MIC-Calon

SAMY UMUM SENARAI CALON MIC ESOK

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu akan mengumumkan nama calon-calon parti itu bagi tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi negeri bagi pilihan raya umum ini pada satu perhimpunan pemimpin-pemimpin parti itu di sini esok.

Beliau akan membuat pengumuman itu pada 6 petang di ibu pejabat MIC, di hadapan 120 ketua bahagian dan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat parti itu, meneruskan tradisi sejak 20 tahun parti itu di bawah pimpinannya.

Sebelum itu, pada pukul 4 petang, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya untuk menyampaikan senarai itu.

MIC dijangka mengemukakan empat muka baru bagi kerusi Parlimen manakala separuh daripada kerusi negeri juga dijangka diwakili muka baru.

Setiausaha Agung MIC Tan Sri K.S.Nijhar memberitahu Bernama hari ini bahawa Samy Vellu juga akan memberi taklimat dan penjelasan kepada semua ketua bahagian mengenai rasional pemilihan calon-calon berkenaan.

"Beliau juga dijangka menggesa mereka meningkatkan keupayaan jentera pilihan raya mereka di semua peringkat," katanya.

Nijhar berkata jentera pilihan raya parti itu telah digerakkan sejak beberapa bulan lepas dan anggotanya juga telah bekerja dengan parti-parti komponen bagi memastikan kejayaan calon-calon Barisan Nasional.

Di Sungai Siput, Samy Vellu mengesahkan bahawa beliau akan membuat pengumuman senarai calon di Kuala Lumpur esok.

Pada majlis yang sama, beliau akan melancarkan buku kecil yang menggariskan pencapaian MIC sejak 50 tahun lepas dalam bidang pendidikan, pekerja estet, perkhidmatan sosial, ekonomi, budaya dan agama.

Buku setebal 40 muka surat itu akan menggariskan sumbangan MIC sebagai sebahagian daripada kerajaan dan sebagai sebuah parti politik yang terlibat secara langsung dalam mengasaskan pelbagai program seperti Kolej Tafe di Seremban dan Kuala Lumpur, Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED) dan Yayasan Strategik Sosial.

Buku kecil itu yang akan diedar ke seluruh negara akan memberikan gambaran sebenar dan jelas mengenai parti itu dan sumbangannya, kata seorang pegawai parti yang terbabit menyediakan buku kecil itu.

-- BERNAMA

RV RHM MAI